

SKIM PERKHIDMATAN PEREKA GRED B31

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN BAKAT DAN SENI	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK	
KEKOSONGAN	:	1	
JADUAL GAJI (GRED B31)	:	GAJI MINIMUM	- RM2,851.00
		GAJI MAKSIMUM	- RM6,263.00
		KADAR KENAIKAN	- RM 115.00
		GAJI TAHUNAN	

1. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) Mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
 - (ii) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Prinsipal dalam subjek Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut atau
 - (iii) Diploma dalam bidang seni kreatif, seni bina dalaman, seni lukis atau seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan
 - (iv) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan/atau
 - (v) Memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

(Gaji permulaan ialah B31: RM2,851.00)

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem permohonan jawatan dalam talian yang boleh diakses di laman sesawang Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN).
- (b) Hanya permohonan yang dibuat melalui sistem permohonan dalam talian LPSVN (<https://www.artgallery.gov.my/>) akan diproses.
- (c) Calon dikehendaki memuatnaik resume yang lengkap (kelayakan akademik, pengalaman kerja, gaji semasa dan gaji yang dipohon, gambar berukuran pasport serta salinan sijil-sijil berkaitan) semasa membuat permohonan.

3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 22 DISEMBER 2023

4. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan berikut akan ditolak tanpa diberi sebarang jawapan:-

- (a) tidak memohon jawatan melalui dalam talian;
- (b) tidak disertakan gambar berukuran pasport;
- (c) tidak disertakan salinan dokumen yang diperlukan;
- (d) tidak lengkap dan tidak jelas; dan
- (e) tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan.

5. CATATAN AM

- (a) Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil menghadiri temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.